



Ruj. Kami : JPA(S)2760/10 Klt.12 (50)

Tarikh : 30 November 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

Tuan,

Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan Kepada Pegawai Yang Diperuntukkan Rumah Biasa Kerajaan Di Wilayah Persekutuan Labuan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk membayar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) kepada pegawai yang mendiami Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan, tertakluk kepada syarat pelaksanaan seperti berikut :
 - a) Pegawai dibayar separuh daripada kelayakan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) pegawai; dan
 - b) pegawai tidak dikenakan bayaran sewa.
3. Pegawai di dalam perkhidmatan Tentera, Polis, Bomba, Penjara, Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia dan Unit Pencegah Penyeludupan adalah tidak termasuk dalam peraturan bayaran ITP ini.
4. Sehubungan itu, Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan keputusan ini dilaksanakan mengikut syarat pelaksanaan yang telah ditetapkan.

5. Keputusan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2007.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,


(YAP KIN SIAN)
Pengarah
Bahagian Gaji Dan Elaun
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

s.k.

Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Precint 2
62594 PUTRAJAYA.

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Hartanah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok C3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA.